



Manulife Shariah China Equity Fund

Memanfaatkan peluang ekonomi China
pasca pandemik

 **(03) 2719 9271**

 **manulifeim.com.my**

Imbas kod QR untuk melayari laman web kami




China terus melangkah maju pasca pandemik: terokai peluang pelaburan patuh Syariah

Manulife Syariah China Equity Fund ialah dana ekuiti Islam bertumpukan China yang pertama kami, yang memberi peluang kepada pelabur untuk memanfaatkan pertumbuhan ekonomi China.

Dana memberikan capaian langsung kepada peluang pelaburan dalam saham China di luar pesisir dan Saham A China di dalam negara tersebut. Sektor yang menjana pertumbuhan struktur seperti pengguna, teknologi, automasi dan bahan baharu boleh dimanfaatkan menerusi pendedahan dalam pasaran Saham A China, manakala e-dagang, Internet dan penjagaan kesihatan boleh dilaburkan menerusi pasaran luar pesisir.

Indeks FTSE Syariah China menawarkan pilihan luas lebih daripada 550 saham meliputi berbilang sektor dan pelbagai jenis saham.

Indeks FTSE Syariah China – Peluang mengikut bilangan saham dan wajaran indeks



Sumber: Lembaran Fakta Indeks Syariah FTSE Hong Kong dan China, pada 31 Oktober 2022.


Kenderaan Elektrik (EV) dan rantaian bekalan EV

Kami mendapati wujud peluang besar dalam seluruh rantaian nilai kenderaan elektrik (EV) dan kereta pintar, dengan permintaan domestik yang kukuh dan peningkatan penyediaan (lokalisasi) rantaian bekalan EV global di China.

Kami positif terhadap sektor automotif dan EV, khususnya bagi syarikat-syarikat yang terlibat dalam Sistem Bantuan Pemandu Lanjutan (ADAS). Tahun 2022 mungkin menandakan bermulanya era bagi ADAS, dengan syarikat-syarikat pengeluar kenderaan utama mula menawarkan kenderaan dilengkapi sistem pandu sendiri peringkat 3, iaitu penambahbaikan nyata daripada peringkat 2.

Maklumat di atas mungkin mengandungi unjuran atau kenyataan tinjauan masa depan lain berkaitan peristiwa masa depan, sasaran, disiplin pengurusan atau jangkaan lain. Tiada jaminan bahawa peristiwa tersebut akan berlaku, dan keadaan masa depan mungkin berbeza secara ketara daripada yang ditunjukkan di sini.

Jualan kenderaan tenaga baharu Tanah Besar China



Sumber: CAAM, pada 11 Oktober 2022. YoY merujuk kepada perbandingan tahunan. RHS merujuk kepada sebelah kanan.

Tahap automasi pemanduan

Tahap SAE	Nama SAE
Pemandu manusia memantau persekitaran pemanduan	
0	Tiada automasi
1	Bantuan pemandu
2	Automasi sebahagian
Sistem pemanduan automatik memantau persekitaran pemanduan	
3	Automasi bersyarat
4	Automasi tinggi
5	Automasi penuh

Sumber: Persatuan Jurutera Automotif (SAE), 30 April 2021.

Kecukupan teknologi dan penyetempatan


Di samping kos reka bentuk yang terus meningkat, kekurangan tenaga mahir dan kesukaran yang semakin ketara untuk mencapai pasaran global, para pesaing global menyedari kepentingan strategik reka bentuk cip dan kini membuat pelaburan besar untuk membina keupayaan reka bentuk domestik masing-masing.

China, Korea Selatan, Taiwan, Kesatuan Eropah, Jepun, dan India telah memberikan komitmen untuk membuat pelaburan baharu bernilai berbilion dolar dalam reka bentuk cip, termasuk pelaburan untuk melaksanakan reka bentuk tersebut.

Menurut Persatuan Industri Semikonduktor, bahagian pasaran China dalam reka bentuk semikonduktor dijangka meningkat daripada 9 peratus kepada 23 peratus antara tahun 2020-2030.

Maklumat di atas mungkin mengandungi unjuran atau kenyataan tinjauan masa depan lain berkaitan peristiwa masa depan, sasaran, disiplin pengurusan atau jangkaan lain. Tiada jaminan bahawa peristiwa tersebut akan berlaku, dan keadaan masa depan mungkin berbeza secara ketara daripada yang ditunjukkan di sini.

Bahagian pasaran reka bentuk mengikut rantau ibu pejabat syarikat (%)



Sumber: Persatuan Industri Semikonduktor (www.semiconductor.org), pada November 2022. YoY merujuk kepada perbandingan tahunan.

Pembukaan semula sempadan


Ekonomi China menghadapi tekanan akibat wabak COVID-19 dan langkah sekatan pergerakan.

Kami menjangkakan pertumbuhan penggunaan pulih sekiranya situasi COVID-19 bertambah baik di Tanah Besar China.

Jumlah penumpang penerbangan awam pada cuti Minggu Emas Oktober 2022 selama tujuh hari mencecah 39% daripada paras sebelum COVID, yang jauh lebih baik berbanding musim cuti yang sebelumnya.

Maklumat di atas mungkin mengandungi unjuran atau kenyataan tinjauan masa depan lain berkaitan peristiwa masa depan, sasaran, disiplin pengurusan atau jangkaan lain. Tiada jaminan bahawa peristiwa tersebut akan berlaku, dan keadaan masa depan mungkin berbeza secara ketara daripada yang ditunjukkan di sini.

Lalu lintas penumpang udara bagi musim cuti utama China



Sumber: Pentadbiran Penerbangan Awam China (CAAC), Oktober 2022.


Nikmati ketenangan fikiran dengan pelaburan patuh Syariah

Pelaburan menjalani saringan di dua peringkat, iaitu saringan aktiviti perniagaan dan saringan nisbah kewangan.

Saringan kewangan membawa kepada pelaburan dalam syarikat dengan lembaran imbalan lebih kukuh dan juga kecairan.

Terdapat pendedahan terhad kepada sektor kewangan untuk mengelakkan kebimbangan tentang proses mengurangkan kadar hutang China.

Hutang kurang daripada 1/3 aset



Maklumat penting dana

Nama dana	Manulife Shariah China Equity Fund (“Dana”)	
Pengurus	Manulife Investment Management (M) Berhad 200801033087 (834424-U)	
Kategori dana	Ekuiti (Patuh Syariah)	
Mata wang asas	USD	
Kelas	Kelas A (RM) dan Kelas A (USD)	
Objektif pelaburan	Dana berusaha mencapai peningkatan modal dengan melabur dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah syarikat-syarikat di pasaran China.	
Profil pelabur	Dana ini sesuai bagi pelabur yang: <ul style="list-style-type: none">• berusaha mencapai peningkatan modal;• mahukan pelaburan patuh Syariah;• mempunyai tempoh pelaburan jangka panjang; dan• mahu mendapatkan pendedahan pelaburan dalam pasaran China.	
Dasar dan strategi pelaburan	Dana akan melabur sekurang-kurangnya 70% daripada NAB dalam portfolio terpelbagai meliputi ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah syarikat-syarikat yang berdomisil/ tersenarai/ atau mempunyai operasi penting* di China, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada saham A, saham H, dan syarikat-syarikat yang berdomisil atau mempunyai operasi penting* di China tetapi tersenarai di negara-negara lain. Baki NAB dana dipegang dalam bentuk tunai, instrumen pasaran wang Islam, akaun pelaburan am, dan/atau deposit Islam. Dana boleh melabur dalam pelaburan-pelaburan tersebut secara langsung atau menerusi skim pelaburan bersama Islam. <small>*Operasi penting bermaksud hasil, pendapatan, kemudahan pengeluaran, aset dan/atau pelaburan syarikat yang berpangkalan/ diperolehi dari China. Tahap kepentingan akan ditentukan oleh Pengurus mengikut kes berasaskan penyelidikan dan pertimbangannya.</small>	
Penanda aras prestasi	Indeks FTSE Shariah China <small>Nota: Penanda aras prestasi di atas digunakan hanya sebagai rujukan untuk tujuan perbandingan prestasi pelaburan. Profil risiko Dana tidak sama seperti profil risiko penanda aras prestasi ini. Maklumat penanda aras prestasi ini boleh didapati di www.manulifeim.com.my.</small>	
Harga tawaran awal	Kelas A (RM) Kelas A (USD)	RM0.5000 USD0.5000
Tempoh tawaran awal	Dua puluh satu (21) hari, dari 24 Ogos 2021 hingga 13 September 2021	
Caj jualan	Saluran pengedaran Penasihat institusi unit amanah (IUTA) Perunding unit amanah (UTC) Pengurus	Caj jualan Sehingga 5.00% daripada NAB seunit
Yuran pengurusan tahunan	Sehingga 1.80% daripada NAB Dana setahun yang dikira dan terakru setiap hari.	
Yuran pemegang amanah tahunan	0.06% setahun daripada NAB Dana (termasuk yuran penyimpanan tempatan, tetapi tidak termasuk yuran dan caj penyimpanan asing).	
Pelaburan awal minimum	Kelas A (RM) Kelas A (USD)	RM1,000.00 USD1,000.00
Pelaburan tambahan minimum	Kelas A (RM) Kelas A (USD)	RM100.00 USD100.00
Dasar pengagihan	Pengagihan pendapatan, jika ada, adalah mengikut keadaan. <small>Nota: Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada prospektus dana.</small>	
Tahun kewangan berakhir	31 Julai	
Tempoh bertenang	Tempoh bertenang hanya diguna pakai bagi mana-mana individu yang melabur buat kali pertama dalam mana-mana dana unit amanah yang diuruskan oleh pihak Pengurus dan tidak termasuk kakitangan Pengurus dan orang-orang yang berdaftar dengan badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk berurusan dalam dana unit amanah. Anda berhak, dalam masa enam (6) Hari Perniagaan dari hari borang permohonan anda diterima oleh Pengurus, untuk meminta agar pelaburan anda ditarik balik.	

Penafian:

Maklumat di atas tidak disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan tertakluk kepada amaran, penafian, kelayakan atau terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus Manulife Shariah China Equity Fund bertarikh 24 Ogos 2021 dan semua Lembaran Maklumat Penting Produk masing-masing (secara bersama dinamakan “Dokumen Tawaran”), yang boleh didapati di pejabat atau laman web kami, sebelum melabur. Dokumen Tawaran telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), bagaimanapun, pendaftaran dengan SC tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa SC telah mengesyorkan atau mengesahkan produk tersebut. Terdapat risiko yang terbabit dengan pelaburan dalam dana unit amanah; dana borong dan/atau Skim Persaraan Swasta. Antara risiko yang berkaitan dengan pelaburan dalam dana unit amanah; dana borong dan/atau Skim Pelaburan Swasta ialah risiko turun naik kadar faedah, risiko tukaran asing atau mata wang, risiko negara, risiko politik, risiko kredit, risiko ketidakpatuhan, risiko pihak yang berurusan, risiko pengurus dana sasaran, risiko kecairan dan risiko kadar faedah. Untuk maklumat lanjut tentang profil risiko semua dana, sila rujuk kepada bahagian Faktor Risiko dalam Dokumen Tawaran. Harga unit dan pengagihan pendapatan mungkin turun atau naik. Pelabur hendaklah membandingkan dan mempertimbangkan yuran, caj dan kos yang terbabit. Pelabur dinasihatkan untuk menjalankan penilaian risiko sendiri dan berunding dengan penasihat profesional jika ragu-ragu tentang tindakan yang patut diambil.

Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau percanggahan yang timbul daripada terjemahan Bahasa Malaysia brosur ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.